

BI: TPM ingatkan MCA tidak berpendirian keras

UM 2 1 OCT 2007

KUANTAN 20 Okt. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan MCA supaya tidak berpendirian keras berhubung pelaksanaan dasar pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di semua sekolah rendah termasuk sekolah jenis kebangsaan Cina, mulai tahun depan.

Beliau berkata, apa sahaja yang menjadi perbezaan pendapat masih boleh dibincangkan dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN Selasa ini dan kemudian akan dibawa ke Kabinet.

"Mereka menyuarakan pendirian itu kerana kita masih lagi belum membuat keputusan tetapi saya harap ia tidak merupakan pendirian terlalu keras sehingga tidak mengambil kira pandangan orang lain.

"Hanya Kabinet yang akan membuat keputusan muktamad setelah mengambil kira pandangan semua pihak," tegas beliau pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen BN Pahang di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah di sini hari ini.

Sehubungan itu, beliau berkata, parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) perlu sepakat mengenai isu ini kerana ia adalah dasar kerajaan.

Selain itu, katanya, rakyat juga mahu melihat adanya muafakat mengenai isu bahasa Inggeris itu.

Akhbar hari ini melaporkan bahawa Jawatankuasa Pusat MCA sebulat suara memutuskan untuk menentang cadangan kerajaan menggunakan bahasa Inggeris bagi mata pelajar-

an Sains dan Matematik di semua sekolah jenis kebangsaan Cina bermula tahun depan.

Badan pembuat keputusan tertinggi parti itu menyatakan pendirian tersebut empat hari sebelum Dewan Tertinggi BN mengadakan mesyuaratnya Selasa ini.

Mengulas lanjut, Abdullah berkata: "Kita buat dasar ini bukan hanya nak berseronok-seronok. Kita berhati-hati fikir masa depan anak-anak kita melibatkan orang berkenaan, bukan suku-sakat dalam parti kita sahaja."

Justeru katanya, sebarang keputusan kerajaan mengenai pengajaran dalam bahasa Inggeris ini nanti perlu diterima dengan hati terbuka.

"Ini kerana ia adalah

hasil perundingan yang bukan sahaja mengambil masa yang lama bahkan meluas dan intensif setelah difikirkan semasak-masaknya," kata beliau.

Beliau menambah, Dr. Mahathir sendiri mengambil masa begitu lama membincangkan isu itu bukan sahaja dalam parti bahkan di luar parti.

Katanya, sepanjang pengalamannya, beliau tidak pernah melihat Perdana Menteri membuat perundingan begini lama mengenai sesuatu dasar melainkan ketika menangani masalah ekonomi dulu.

"Beliau (Dr. Mahathir) mahu ia difikirkan semasak-masaknya kerana tidak mahu timbul masalah di kalangan pelajar negara ini pada masa depan. Ia perlu dihormati bahkan mesti diterima," katanya.

Dalam hubungan ini katanya, kerajaan menangani isu bahasa Inggeris ini menggunakan pendekatan semasa menangani kekwatan ekonomi dulu.

Menurut beliau, ia memerlukan perundingan demi perundingan sehingga rakyat dan masyarakat antarabangsa dapat menerimanya walaupun pada mulanya menentang.

"Walau apa pun yang diputuskan mengenai pelaksanaan dasar kerajaan ini, ia adalah hasil perundingan pemerahan otak dan fikiran mendalam dan konsensus jemaah menteri.

"Dan kalau rakyat beri keyakinan kepada kerajaan, kita akan mencapai kejayaan diharapkan inilah yang perlu kita lakukan," katanya.